

KERATAN: Utusan Borneo

TARIKH: 23.4.2012

SAB - A0545/12

M/S:

B3

'Menghidupkan' penutur bahasa sukuan

MEMENITI Warisan Sejarah dan Budaya dalam Pemantapan Masyarakat Progresif. Demikian tema Kolokium Budaya Regatta Lepa Semporna yang berlangsung pada 19 April 2012 yang lalu di Galeri Arkeologi Bukit



Tengkorak, Semporna. Kolokium anjuran Jawatankuasa Induk Regatta Lepa Semporna 2012 itu turut diadakan dengan kerjasama Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN), Jabatan Muzium Sabah, dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah. Sebanyak tiga buah makalah telah dibentangkan dalam kolokium tersebut yang membincangkan aspek sejarah, budaya, dan tamadun awal Semporna (Prof. Madya Dr. Stephen Chia Ming Soon, USM), peranan budaya bangsa dalam pemantapan masyarakat progresif (Prof. Madya Dr. Gusni Saat, Unimas), dan warisan sejarah dan budaya masyarakat Bajau/Sama Semporna (Tuan Haji Mohd. Said Hinayat, Pejabat SKN).

Makalah tentang warisan sejarah dan budaya masyarakat Bajau/Semporna yang menyentuh aspek bahasa suku kaum Bajau ternyata telah mengundang perbincangan yang hangat. Para peserta memiliki kesedaran yang tinggi bahawa bahasa sukuan yang merupakan aset budaya yang tidak ternilai harganya itu harus dipertahan. Mereka sangat menyedari dan melahirkan kebimbangan tentang keadaan yang sedang dihadapi oleh bahasa Bajau. Dalam hubungan itulah kolokium tersebut telah mencadangkan beberapa langkah untuk melestarikan bahasa Bajau, antaranya termasuklah menggesa pihak yang berkaitan supaya mengadakan kelas-kelas bimbingan peringkat kanak-kanak. Para peserta menyedari bahawa bahasa sukuan yang mempunyai peranan penting sebagai lambang jati diri masyarakat pemilikinya itu semakin hari semakin kehilangan penuturnya.

Tidak beberapa lama dahulu, saya pernah ke Kampung Sri Darun, Lahad Datu dalam program Jejak Etnik DBP Cawangan Sabah, salah satu usaha yang dijalankan untuk mengkaji tahap penguasaan dan penggunaan bahasa sukuan dalam kalangan masyarakat penuturnya. Kampung Sri Darun ialah salah sebuah kampung selain Kampung Ulu Tungku, Kampung Manar, Kampung Kuala Teburi, Kampung Ulu Teburi, dan Kampung Ulu Dengon yang didiami masyarakat suku kaum Begak. Masyarakat suku kaum Begak merupakan kelompok kecil yang makin tergeser di Sabah. Dengan jumlahnya kini hanya kira-kira 1200 orang, kelangsungan bahasa dan budaya, serta suku kaum Begak itu sendiri 'benar-benar' dalam keadaan terancam. Namun, langkah yang diambil oleh masyarakat suku kaum Begak patut dipuji dan dicontohi. Atas kesedaran betapa pentingnya melestarikan nilai-nilai tradisi dan budaya yang kini semakin dihanyutkan oleh derasnya arus kemodenan, masyarakat suku kaum Begak telah mewujudkan Tadika yang mengajarkan bahasa Begak kepada anak-anak suku kaum berkenaan.

Langkah dan usaha seperti itu memang perlu dilakukan apabila melihat bahasa dan warisan bangsa kita semakin hari semakin ditinggalkan. Perubahan cara hidup masyarakat pada masa ini menyebabkan bahasa sukuan tidak lagi menjadi bahasa komunikasi utama dalam keluarga dan masyarakat. Melalui ruangan ini, saya sering menyentuh hal kelangsungan hidup bahasa sukuan di Sabah, bukan sahaja bahasa Bajau, tetapi juga bahasa sukuan yang lain seperti bahasa Kadazandusun, Iranun, Rungus, Lotud, Kinaragang, Gana, Lundayeh, Kwijau, Serudung, Tagal, Tombonua, dan lain-lain. Bahasa-bahasa sukuan ini, meskipun masih digunakan, sedang terancam pupus kerana sedikit demi sedikit ditinggalkan masyarakat penuturnya. Tanda-tanda ke arah kematian bahasa sukuan ini dapat dilihat dengan jelas apabila sebilangan besar anggota masyarakat tidak dapat lagi berbahasa sukuan masing-masing. Bahasa sukuan tidak lagi menjadi bahasa komunikasi utama di rumah. Ibu bapa tidak lagi mengajar anak-anak mereka berbahasa Bajau, Rungus, Sungai, Tombonua, Sonsogon, Sondoyo, Kinaragang, Suluk, Ubian, atau Tobilong.

Dalam ruangan ini, saya pernah memaparkan hasil kajian yang dijalankan oleh DBP Cawangan Sabah tentang tahap penggunaan dan penguasaan bahasa ibunda di Kampung Landung Ayang Laut, sebuah petempatan di persisiran pantai Kudat. Walaupun melibatkan 1,313 buah keluarga atau 5,779 orang informan sahaja, namun hasil kajian itu dapat memberikan gambaran tentang kehidupan bahasa sukuan di Sabah. Bukan lagi andaian, tetapi data sebenar hasil kajian itu menunjukkan bahawa generasi muda yang berumur di bawah 20 tahun kurang menggunakan bahasa sukuan masing-masing. Misalnya, daripada sejumlah 1,308 orang informan daripada suku kaum Rungus, hanya 676 orang dalam lingkungan umur 20 tahun yang masih lancar bertutur dalam bahasa Rungus. Begitu juga daripada 240 orang informan daripada suku kaum Ubian, hanya 73 orang dalam lingkungan 20 tahun yang lancar bertutur dalam bahasa Ubian.

Bahasa sukuan mempunyai kepentingan kebudayaan yang harus dipertahan kerana kepupusan bahasa sukuan ini bermakna kehilangan budaya bangsa yang tidak ternilai harganya. Hal ini demikian kerana pengungkapan nilai-nilai budaya hanya dapat dilakukan secara tepat dengan menggunakan bahasa yang berkaitan seperti yang diungkapkan dengan menggunakan lagu rakyat, mantera, peribahasa, adat-istiadat, dan sebagainya. Sebagai alat pemikiran, perhubungan, dan pengucapan dalam lingkungan kebudayaan dan masyarakat yang menggunakan dan memilikinya, masyarakat pemilik harus mempertahankan kelangsungan hidup bahasa sukuan itu. Masyarakat Bajau, misalnya, harus mempertahankan kelangsungan hidup bahasa Bajau dalam kalangan masyarakatnya.

Memang menjadi harapan kita semua agar usaha yang lebih bersungguh-sungguh dilakukan untuk melestarikan bahasa sukuan. Namun, harapan itu tampaknya tidak mudah dipenuhi. Dalam perkembangan dan kemajuan kehidupan masa ini yang menuntut kita untuk makin fasih berbahasa Inggeris, tentulah semakin sukar untuk dipenuhi harapan agar bahasa sukuan digunakan dalam komunikasi sehari-hari. Meskipun demikian, pelbagai usaha harus tetap dilakukan untuk mendorong anggota masyarakat supaya menghidupkan bahasa sukuan. Kita harus memastikan bahasa itu terus menjadi bahasa komunikasi dalam lingkungan keluarga di rumah dan juga dalam lingkungan masyarakat. Dengan kata lain, kita harus terus 'menghidupkan' masyarakat penuturnya. Jadi, yang perlu dikembangkan kini ialah masyarakat penuturnya. Masyarakat pemilik bahasa sukuan harus menggunakannya sehari-hari terutama sebagai bahasa pertuturan dalam kalangan keluarga di rumah. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam menanamkan kesedaran sejak awal dalam diri anak-anak tentang pentingnya penggunaan dan rasa hormat terhadap bahasa sendiri. Ibu bapa dengan sedar dan bijaksana dapat membimbing anak-anak mereka untuk mengenali, memahami, dan menghargai kekayaan budaya tradisi mereka sendiri. Dengan kesedaran yang tertanam kuat, mereka pasti berasa lebih bangga untuk menggunakan bahasa itu dalam kehidupan sehari-hari.

Kita berbangga dengan kekayaan budaya di Sabah, termasuk bahasa sukuannya. Namun, kebanggaan sahaja tidak cukup untuk menghalang kematian bahasa itu tanpa kesungguhan setiap anggota masyarakat untuk menghidupkannya. Pelestarian bahasa sukuan merupakan tanggungjawab setiap orang yang mengaku dirinya sebagai orang Bajau, Dusun, Iranun, Kadazan, Murut, Rungus, Sungai, dan lain-lain.